

26/10/2001

Petrol: Usah biar peniaga naikkan harga barang

MUNGKIN kepada kelompok tertentu, Belanjawan 2002 hanya bermaksud kepada kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter. Daripada pengusaha bas, lori dan teksi yang terbabit secara langsung, kenaikan itu memberi pelbagai sebab dan alasan buat mereka menuntut kenaikan harga tambang dan perkhidmatan bagi menampung peningkatan kos. Dalam pada itu, ada juga pihak yang tidak terbabit secara langsung, yang mahu turut mengambil kesempatan. Umpamanya, pekedai dan peniaga yang terbabit dalam pengambilan dan penghantaran barang, berasakan kos mereka juga meningkat sedikit. Atas alasan itu, apa juga peningkatan dirasakan mereka harus ditanggung sama oleh pengguna.

Di samping itu, ada pula peniaga yang menanggung di air keruh. Sebagaimana pengusaha pusat mencuci kereta yang sebelumnya menaikkan bayaran perkhidmatan sewenang-wenang hanya disebabkan kenaikan kecil kadar harga air, dilaporkan ada peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga gas memasak, khususnya di luar bandar, sekalipun Belanjawan 2002 tidak membabitkan kenaikan harga bahan itu. Dengan berselindung di sebalik kenaikan harga petrol, adalah jelas peniaga seperti ini hanya mengeksploitasi kejahilan pengguna bagi meningkatkan keuntungan. Barangkali golongan seperti inilah yang lebih gembira dengan kenaikan harga petrol. Seboleh-bolehnya mereka mahu mengaitkannya dengan apa saja alasan asalkan harga barang dan perkhidmatan dapat turut dinaikkan tanpa menimbulkan kesangsian ramai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Belanjawan 2002, Jumaat lalu, menjelaskan lebih separuh daripada subsidi kerajaan berjumlah RM4.4 bilion adalah bagi bahan petroleum. Secara kasarnya, ia menjimatkan setiap rakyat Malaysia sebanyak RM100. Sebuah keluarga empat orang pula menikmati subsidi petrol berjumlah RM400 - satu kadar yang agak tinggi jika dibandingkan dengan negara lain.

Kajian daripada kenaikan harga petrol tahun lalu mendapati cuma terdapat peningkatan antara 0.2 hingga tiga peratus kos pengangkutan di negara ini. Sambil kita memahami alasan pengusaha bas, lori dan teksi untuk menuntut sedikit kenaikan pada kadar yang harus amat munasabah, ia bukanlah sebab untuk barang pengguna yang lain dinaikkan sama. Malah, Belanjawan 2002 juga mencakupi pengurangan duti import barang makanan tertentu dan beberapa barang lain dan seharusnya dipatuhi pekedai dan peniaga tanpa berlengah. Sesungguhnya keberkesanan Belanjawan bukan hanya berkisar kepada pelbagai insentif ditawarkan bagi menggalakkan pengguna berbelanja, sebaliknya ketelusan peniaga dalam melaksanakannya.

Kita mengalu-alukan pengumuman Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjalankan pemeriksaan menyeluruh harga barang dua kali seminggu agar tiada pihak yang menaikkan harga barang sewenang-wenangnya hanya disebabkan kenaikan harga petrol dan diesel. Pemantauan seperti itu tidak syak lagi dapat mengawal kadar inflasi pada tahap terendah, sama seperti ketika harga petrol dan diesel dinaikkan tahun lalu. Dengan kedatangan Ramadan, disusuli pelbagai musim perayaan selepas itu, pemantauan hendaklah diperluaskan ke kawasan luar bandar kerana di sanalah lazimnya perbuatan mengeksploitasi pengguna kerap dilaporkan.

(END)